

# UMNO: Demokrasi matang, keterbukaan menyerlah

um- 3/12/2006

PADA 17hb. November lalu berakhirlah Perhimpunan Agung UMNO bagi kali ke-57. Satu lagi perhimpunan yang menarik minat rakyat dan pemerhati politik dari luar dan dalam negara. Ia telah melahirkan pelbagai reaksi terhadap hala tuju UMNO lebih-lebih lagi kerana pertama kali dalam sejarah UMNO persidangan itu disiarkan secara langsung di televisyen. Akibatnya ia mempamerkan kelemahan dan kekuatan UMNO. Daripada 15 sehingga 17 November, perwakilan UMNO dari seluruh negara telah berkumpul di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk menunaikan tanggungjawab sebagai ahli UMNO bagi terus memperjuangkan aspirasi umat Melayu untuk memartabatkan bangsa Melayu supaya menjadi satu bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Berbagai-bagai ramalan telah diketegahkan sebelum ia diadakan. Ada yang positif dan tidak kurang pula yang membuat telahan negatif yang ia akan berakhir dengan perpecahan dan perbalahan. Namun demikian ia adalah sesuatu yang lumrah sebagai sebuah parti besar serta tonggak kepada pemerintahan negara. UMNO sihat, sakit ataupun batuk sekalipun ia akan menjemput reaksi daripada berbagai-bagai pihak.

Oleh itu tidak hairanlah mengapa perhatian dan tumpuan diberikan kepada setiap perkara yang dibincangkan di Perhimpunan Agung UMNO. Sudah pasti apa juga yang dibahas dan dirumuskan akan mempunyai implikasinya tersendiri kepada arah dan hala tuju jangka pendek dan panjang negara. Walau bagaimanapun

UMNO berpengalaman berhadapan dengan naik turun di sepanjang hayatnya sebagai wadah perjuangan umat Melayu.

Apatah lagi pada kali ini UMNO dilanda dengan polemik yang merangkumi persoalan ekonomi, politik, agama, sosial dan pendidikan. Ada juga kedengaran di kalangan ahli-ahli parti menyuarakan hasrat mereka untuk melihat pucuk pemimpinnya lebih tegas dan jelas dalam merencanakannya dan melaksanakan agenda Melayu.

Selain dari itu, parti dan negara masih lagi dilanda dengan berbagai-bagai isu seperti kemelut di antara Dr. Mahathir Mohamad dan pucuk pimpinan parti, keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu serta mempunyai kesan kepada negara secara langsung dan tidak langsung, begitu juga dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menjadi tunjang kepada harapan serta aspirasi Ma-

laysia untuk menjadi sebuah negara maju sejajar dengan Wawasan 2020. Ada yang melihat ekonomi domestik kita lesu (walaupun pertumbuhan ekonomi amat menggalak dan memberangsangkan); kejaran kerajaan untuk mengurangkan defisit negara yang telah menunjukkan hasil yang memuaskan.

## Persoalan

Semua persoalan tersebut menjadi bahan yang dibahaskan secara hebat oleh penganalisis dalam dan luar negeri. Yang penting sekali ia juga telah mempengaruhi perbincangan usul-usul dalam Perhimpunan UMNO. Di masa yang sama setelah mencapai usia 60 tahun, amalan demokrasi dalam parti semakin matang dan keterbukaan kerajaan pula semakin menyerlah.

Perasaan ini dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat, daripada ahli-ahli Parlimen, media dan seterusnya rakyat biasa. Kini BN sendiri terdedah kepada perhatian dan penghakiman rakyat jelata tanpa segan silu atau sekatan. Pemimpin dan rakyat ada yang merasa lega dan selesa dengan perkembangan baru selaras dengan tuntutan semasa demokrasi tetapi ada juga yang mempersoalkan sama ada suasana baru ini telah mengakis keyakinan rakyat terhadap pemerintah dan pemimpin.

Tidak kurang juga mereka yang berpendapat proses keterbukaan akan menjadikan rakyat lebih individualistik dan kurang bersifat kemasyarakatan. Sebenarnya ahli-ahli politik dan bukan politik kesemuanya tertakluk kepada kritikan dari media cetak dan elektronik. Kita juga melihat melalui kemajuan teknologi maklumat penggunaan khidmat pesanan ringkas (SMS) menjadi lebih meluas menyebar kebenaran dan juga penaburan fitnah.

Dalam lain perkataan zaman Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi penuh dengan telahan dan cabaran baru yang perlu diuruskan dengan kecerdasan fikiran dan kebijaksanaan pengalaman. Oleh kerana pendedahan meluas perbincangan mengenai isu-isu yang telah dipersetujui pada masa lampau kini mula terbuka dan terserlah semula. Soalnya ialah bagaimana kita mahu menguruskan perubahan yang dibawa hasil daripada kemajuan ilmu dan teknologi. Apakah kita akan terjebak kepada perbalahan yang boleh menghancurkan negara bangsa yang masih muda lagi yang sedang melalui proses evolusi dan kematangan?

Dalam keadaan beginilah, Perhimpunan Agung UMNO diadakan dan menjadikannya lebih penting lagi. Sebenarnya ini adalah perjumpaan keluarga dan warga UMNO. Kita tidak patut dikekang dengan kekhawatiran dan tuduhan orang lain terhadap isu-isu serta tajuk yang dibincangkan di kalangan keluarga UMNO. Apa salahnya ahli membincangkan kekhawatiran dan kebimbangan mereka, sambil memikirkan pencapaian mereka selama ini secara terbuka dan jelas. Dalam perbincangan kita mestilah meluahkan isu-isu terkini yang menimbulkan tanda tanya kepada pen-

capaian dan masa depan umat Melayu. Soal-soal yang rapat dengan hati kita terhadap agama dan kedudukan kita dalam menikmati dan meraih perkongsian dalam kesejahteraan dan kekayaan negara. Ia adalah isu-isu utama supaya pencapaian ekonomi tidak meminggirkan mana-mana kaum daripada arus perdana pembangunan negara. Perasaan tidak puas hati dan kepinggiran boleh membawa kesan negatif kepada keseluruhan negara bangsa Malaysia.

## Menjamin

Agenda Melayu seharusnya yang menjadi soal pokok untuk menjamin penyertaan umat Melayu turut terlibat dalam arus perdana pembangunan ekonomi negara. Masalah Melayu ataupun bumiputera adalah masalah nasional yang perlu dihayati oleh semua. Begitu juga isu agama adalah begitu sensitif kepada umat Islam yang tidak boleh diperlekehkan atau disoal semula sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan. Namun kata pemutus adalah hasil daripada perbincangan, keputusan dan rumusan yang diambil UMNO pada akhir perhimpunan. Tidak ada pihak yang harus menyekat atau menuduh sesiapa 'chauvinis' atau pelampau kerana semata-mata meluahkan kebimbangan umat Melayu sebagai masyarakat induk. Lebih baik ia diluahkan secara terbuka tetapi akhirnya keputusan dan usul-usul cukup matang dan bertanggungjawab.

Ahli-ahli UMNO perlu ingat memperingati di antara satu sama lain dan juga pemerintah mesti peka kepada luahan dan kekhawatiran akar umbi. Ada masanya kita serius dan ada masanya kita berseloka tetapi ini adalah keunikan Perhimpunan Agung UMNO. Kalau parti komponen BN membincangkan masa depan kaum mereka, jangan pula kita melatah apabila UMNO juga membincangkan.

Bukan semuanya kita kehendaki akan dapat kita miliki. Sistem kita selama ini adalah perkongsian berteraskan 'kompromi dan akomodasi'. Jika kita faham garisan-garisan ini maka negara kita akan selamat, makmur dan sejahtera.